

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Nota:

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih SIMPAN SSPN PLUS. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.



Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Takaful Berhad (“Pengendali Takaful”, “Kami”)
Nama Pemegang Sijil Induk : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Nama Produk : SIMPAN SSPN PLUS
Tarikh : 17/07/2024

1. Apakah produk ini?

- SIMPAN SSPN PLUS merupakan pelan Takaful bertempoh berkelompok dengan caruman berkala yang menyediakan pembayaran manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian dan Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) disebabkan oleh sebab semula jadi atau kemalangan (sebarang punca) bagi perlindungan sehingga umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya. Di samping itu, terdapat juga Manfaat Hilang Upaya Separa dan Kekal (HUSK), Manfaat Kemalangan Diri, Manfaat Penyakit Kritikal dan/atau Manfaat Penyakit Terminal, Manfaat Elaun Kemasukan Hospital, Manfaat Pemulangan Jenazah, Manfaat Matang dan Manfaat Ihsan bagi Orang yang Dilindungi dalam tempoh perlindungan bergantung kepada pelan yang dipilih.

2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?

- Wakalah:** Kontrak agensi berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* yang mana caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman/Sumbangan Takaful yang dibayar di mana Pemegang Sijil Induk melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Akaun Individu Peserta (PIA).
- Mudharabah:** Kami bertindak sebagai Usahawan (*Mudharib*) yang menguruskan dana yang dikumpul dan Pemegang Sijil Induk sebagai Pemilik Modal (*Rabbul Mal*). Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi keuntungan dengan Pemegang Sijil Induk di atas pulangan pelaburan bagi:
 - Dana *Tabarru'* berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 50:50 masing-masing;
 - PIA berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 25:75 masing-masing;yang akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada dan akan dikreditkan ke dalam PIA manakala sebarang kerugian pelaburan ditanggung oleh Pemegang Sijil Induk.
- Tabarru':** Sebahagian daripada Caruman/Sumbangan Takaful yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang Peserta-Peserta/Orang yang Dilindungi rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta-Peserta/Orang yang Dilindungi yang memerlukan.
- Ju'alah:** Saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, di mana Pemegang Sijil Induk akan berkongsi Lebihan Pengunderaitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebanyak 50:50 yang mana akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- Qard:** Pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. *Qard* tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

Nota:

- Dana *Tabarru'* merupakan kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi yang digunakan untuk membantu Peserta-Peserta/Orang yang Dilindungi seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.
- PIA merupakan sebuah akaun yang mana Caruman/Sumbangan Takaful, lebihan pengunderaitan dan/atau keuntungan pelaburan yang ada akan diperuntukkan.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Manfaat Kematian	Apabila berlaku kematian Orang yang Dilindungi, Jumlah Perlindungan Asas bagi Manfaat Kematian dari Dana <i>Tabarru'</i> dan baki jumlah di dalam PIA (jika ada) akan dibayar sepenuhnya.
Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)	Apabila Orang yang Dilindungi mengalami HUPK sebelum umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya, Jumlah Perlindungan Asas bagi Manfaat HUPK dari Dana <i>Tabarru'</i> dan baki jumlah di dalam PIA (jika ada) akan dibayar sepenuhnya. Manfaat yang perlu dibayar mestilah tidak melebihi RM2,000,000 di bawah Sijil ini dan semua Sijil Induk Berkelompok termasuk endorsmen dan aneksur, jika ada, (tidak termasuk sijil individu dan yang berkaitan dengan kredit) pada Orang yang Dilindungi yang sama.
Manfaat Hilang Upaya Separa dan Kekal (HUSK)	Apabila Orang yang Dilindungi mengalami HUSK disebabkan oleh kejadian semula jadi sebelum umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya, Jumlah Perlindungan Asas bagi Manfaat HUSK seperti yang ditentukan dalam Sijil ini akan dibayar sepenuhnya dari Dana <i>Tabarru'</i> .
Manfaat Kemalangan Diri	Apabila berlaku kematian akibat kemalangan, HUPK akibat kemalangan atau HUSK

	akibat kemalangan Orang yang Dilindungi sebelum umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya, Jumlah Perlindungan Asas Manfaat Kemalangan Diri akan dibayar seperti yang ditentukan dalam Sijil dari Dana <i>Tabarru'</i> .
Manfaat Penyakit Kritikal (Dikurangkan)	Apabila Orang yang Dilindungi didiagnos dengan salah satu daripada 50 Penyakit Kritikal sebelum umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya, manfaat Penyakit Kritikal akan dibayar dari Dana <i>Tabarru'</i> . Selepas tuntutan manfaat Penyakit Kritikal, jumlah keseluruhan manfaat di bawah Sijil ini akan dikurangkan dengan jumlah yang telah di bayar. Sila rujuk Lampiran 1 di bawah untuk senarai penuh 50 Penyakit Kritikal.
Manfaat Penyakit Terminal	Apabila Orang yang Dilindungi didiagnos dengan Penyakit Terminal, kedua-dua manfaat Penyakit Kritikal dan Penyakit Terminal akan dibayar dari Dana <i>Tabarru'</i> dan jumlah manfaat akan dikurangkan dengan Jumlah Perlindungan Asas.
Manfaat Elaun Kemasukan Hospital	Apabila Orang yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital akibat sakit atau kecederaan sebelum umur tujuh puluh (70) hari lahir berikutnya, manfaat tunai harian ("Manfaat Elaun Kemasukan Hospital") akan dibayar dari Dana <i>Tabarru'</i> . Manfaat akan dibayar sehingga maksimum lima puluh dua (52) minggu bagi setiap hilang upaya sepanjang kemasukan ke Hospital. Tempoh minimum kemasukan ke hospital mestilah sekurang-kurangnya semalaman (minimum 6 jam) bagi kelayakan tuntutan manfaat ini. Tarikh keluar mestilah berbeza dan selepas dari tarikh kemasukan.
Manfaat Pemulangan Jenazah	Apabila berlaku kematian Orang yang Dilindungi, kos pengangkutan jenazah Orang yang Dilindungi akibat kematian di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan/atau kos pengebumian tempatan di tempat kematian tetapi tidak melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat akan dibayar dari Dana <i>Tabarru'</i> .
Manfaat Ihsan	Apabila berlaku kematian Orang yang Dilindungi akibat sebarang punca, Manfaat Ihsan dari Dana <i>Tabarru'</i> akan dibayar secara sekaligus. Manfaat ini akan dibayar terlebih dahulu kemudiannya penuntut mesti menghantar sijil kematian dan/atau bukti lain yang memuaskan kepada Kami. Walau bagaimanapun, penerimaan manfaat ini tidak menjamin bahawa Manfaat Kematian akan dibayar. Manfaat ini boleh dilanjutkan kepada Pasangan (1 Pasangan sahaja) & Anak (sehingga 5 orang Anak) dan boleh dibayar lebih daripada sekali untuk Orang yang Dilindungi yang mempunyai berbilang Sijil. Had umur perlindungan bagi anak adalah sehingga umur dua puluh sembilan (29) tahun hari lahir berikutnya dengan syarat anak belum berkahwin dan bergantung kewangan kepada Orang yang Dilindungi.
Manfaat Matang	Apabila Sijil ini matang, baki jumlah dari PIA, jika ada, akan dibayar.

- Jadual Manfaat di bawah skim ini adalah seperti berikut:

Manfaat-manfaat	Jumlah yang Dibayar (RM)			
	Pelan 10 (Intan/Delima/Topas)	Pelan 20 (Zamrud)	Pelan 30 (Nilam)	Pelan 300 (Berlian)
Kematian	25,000	50,000	75,000	1,000,000
HUPK	25,000	50,000	75,000	1,000,000
HUSK (disebabkan secara semula jadi)	-	-	-	200,000
Kematian akibat Kemalangan di Malaysia (termasuk di dalam Pengangkutan Awam)	25,000	50,000	75,000	Dibayar di bawah Manfaat Kematian
Kematian akibat Kemalangan di luar Malaysia	50,000	100,000	150,000	Dibayar di bawah Manfaat Kematian
HUPK akibat Kemalangan	25,000	50,000	75,000	Dibayar di bawah Manfaat HUPK
HUSK akibat Kemalangan (Hilang Upaya Kekal yang Lain)	25,000	50,000	75,000	200,000
Penyakit Terminal ¹	12,500	25,000	37,500	200,000
50 Penyakit Kritikal ²	12,500	25,000	37,500	200,000
Manfaat Elaun Kemasukan Hospital (52 minggu bagi setiap hilang upaya)	25	50	70	250
Pemulangan Jenazah	-	-	-	10,000

Manfaat Ihsan ³				
Pengdeposit:	2,800	3,000	3,000	25,000
Pasangan:	2,800	3,000	3,000	12,500
Anak (sehingga 5 orang anak):	1,200 setiap orang	1,500 setiap orang	1,500 setiap orang	5,000 setiap orang

¹Apabila Orang yang Dilindungi didiagnos dengan Penyakit Terminal, kedua-dua manfaat Penyakit Terminal dan manfaat Penyakit Kritikal akan dibayar.

²Apabila Orang yang Dilindungi didiagnos dengan mana-mana 50 Penyakit Kritikal (kecuali Penyakit Terminal), hanya manfaat Penyakit Kritikal akan dibayar.

³Manfaat Ihsan di bawah perlindungan pengdeposit adalah dibayar sekali bagi setiap Orang yang Dilindungi tanpa mengambil kira bilangan sijil.

Nota:

- Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk Sijil Induk Berkelompok bagi pelan manfaat lebih lanjut yang boleh diperolehi dari Pemegang Sijil Induk atau boleh memohon dari Kami melalui emel di igreatcare@greateastertakaful.com.

4. Berapakah caruman/sumbangan Takaful yang saya perlu bayar?

- Caruman/Sumbangan yang anda perlu bayar bergantung kepada pelan yang dipilih oleh anda, seperti berikut:

Nama Pelan	Pelan 10 (Intan/Delima/ Topas)	Pelan 20 (Zamrud)	Pelan 30 (Nilam)	Pelan 300 (Berlian)
Caruman/Sumbangan Takaful Bulanan	RM10	RM20	RM30	RM300

Nota:

- Jumlah Caruman/Sumbangan Takaful adalah sama bagi semua Ahli yang Layak tanpa mengira umur.
- Caruman/Sumbangan Takaful hendaklah dibayar sehingga Sijil tamat pada umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya atau sehingga perlindungan tamat, mana yang terdahulu.
- Kami boleh mengubah jumlah Caruman/Sumbangan Takaful apabila ulang tahun sijil dengan memberi sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari (untuk manfaat Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHT)) dan tiga (3) bulan (untuk selain daripada manfaat MHT) notis secara bertulis terlebih dahulu kepada Pemegang Sijil Induk.
- Caruman/Sumbangan Takaful adalah termasuk cukai perkhidmatan dan/atau cukai(-cukai) lain, mana yang berkenaan.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- **Caj Pendahuluan** (Caruman yang Tidak Diperuntukkan) akan ditolak sebanyak 31% daripada caruman kasar yang dibayar (ditolak cukai perkhidmatan dan/atau cukai(-cukai) lain, jika ada) yang digunakan untuk membayar perbelanjaan berkaitan pengagihan termasuk komisen perkhidmatan pengantara (10% daripada caruman kasar) dan perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan sijil anda termasuk setem duti RM10 bagi setiap Sijil Induk Berkelompok. Caj Pendahuluan akan ditolak daripada PIA.
- **Tabarru'** akan ditolak secara bulanan daripada PIA sebanyak 69% daripada caruman kasar, sebagai tujuan menyediakan perlindungan dan menampung tuntutan ke atas kejadian/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. **Tabarru'** mungkin akan meningkat mengikut umur anda. Kadar **Tabarru'** dan Caruman/Sumbangan Takaful adalah berbeza mengikut pelan dan pengalaman tuntutan, mana yang berkenaan, pada setiap ulang tahun sijil. Kadar **Tabarru'** dan caj lain dinyatakan dalam Sijil Induk Berkelompok. **Tabarru'** dan Caruman/Sumbangan Takaful adalah tidak dijamin dan boleh berubah dari semasa ke semasa. Kami berhak untuk mengubah **Tabarru'** dan Caruman/Sumbangan Takaful dengan memberi notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari (untuk manfaat Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHT)) dan tiga (3) bulan (untuk selain daripada manfaat MHT) secara bertulis terlebih dahulu, di mana perubahan tersebut (jika ada) adalah bertujuan berdasarkan pengalaman tuntutan Kami, perubahan demografi ahli, had bukan-pengunderaitan yang telah diperbaharui atau keadaan yang wajar yang lain. Perubahan-perubahan ini akan diguna pakai untuk semua Sijil tidak mengira pengalaman tuntutan individu.
- Jadual di bawah menunjukkan yuran dan caj berkenaan berdasarkan bayaran secara bulanan:

Umur yang berikutnya yang telah dicapai	Jenis Yuran/Caj	Yuran/Caj mengikut Peratusan Caruman/Sumbangan Takaful	Jumlah Yuran/Caj (RM)			
			Pelan 10 (Intan/Delima/ Topas)	Pelan 20 (Zamrud)	Pelan 30 (Nilam)	Pelan 300 (Berlian)
Tahun 1 dan seterusnya	Caj Pendahuluan	31%	3.10	6.20	9.30	93.00
	Komisen	10%	1.00	2.00	3.00	30.00

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- **Keputusan untuk Membuat Pendedahan** – anda mestilah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan pekerjaan, keadaan perubatan, sebarang maklumat yang boleh mempengaruhi profil risiko dan menyatakan umur

anda dengan betul; jika tidak, sijil yang dikeluarkan mungkin tidak sah.

- **Tempoh Rujukan Percuma** – anda boleh membatalkan Sijil dalam masa lima belas (15) hari setelah menandatangani resit pengakuan atau e-pengakuan setelah menerima Sijil atau e-Sijil (yang mana berkenaan), melalui pemberitahuan bertulis kepada Kami. Kami akan kembalikan sebarang Caruman/Sumbangan Takaful yang telah dibayar ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada.
- **Tempoh Tenggang** – jika Orang yang Dilindungi gagal membayar Caruman/Sumbangan Takaful dan tiada Caruman/Sumbangan Takaful diterima melebihi Tempoh Tenggang selama sembilan puluh (90) hari, Kami akan menolak *Tabarru'* bulanan daripada PIA. Sijil Takaful akan luput dan tiada nilai seterusnya sekiranya baki jumlah di dalam PIA adalah kurang atau bersamaan dengan sifar.
- **Tempoh Kesenambungan HUPK** – sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya.
- **Prosedur Tuntutan** – borang tuntutan boleh didapati dari laman web Kami. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat. Bagi tuntutan, adalah dinasihatkan untuk memberitahu Kami serta merta.
- **Pengeluaran Separa** – Orang yang Dilindungi boleh memohon Pengeluaran Separa tertakluk kepada jumlah minimum RM10.
- **Tempoh Menunggu** – kelayakan perlindungan bagi manfaat yang berkenaan adalah seperti berikut:
 - i. Manfaat Penyakit Kritikal: Perlindungan akan bermula tiga puluh (30) hari atau enam puluh (60) hari (bergantung kepada jenis Penyakit Kritikal) selepas tarikh berkuat kuasa pelan ini.
 - ii. Manfaat Penyakit Terminal: Perlindungan akan bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh berkuat kuasa pelan ini.
 - iii. Manfaat Elaun Kemasukan Hospital: Perlindungan akan bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh berkuat kuasa pelan ini. Bagi Penyakit Tertentu/Khusus, tempoh menunggu seratus dua puluh (120) hari akan diguna pakai.
- **Penamatan** – Apabila penamatan Sijil Induk Berkelompok ini, Sijil Takaful akan tamat secara automatik dan tidak lagi berkuat kuasa.

Nota:

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Induk Berkelompok bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian dan had utama di bawah Sijil ini?

Manfaat Kematian

- Bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Berkuat Kuasa sama ada cubaan/disengajakan.
- Kematian disebabkan Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa bagi Pelan 10 (Intan/Delima/Topas), Pelan 20 (Zamrud) dan Pelan 30 (Nilam).

Manfaat Ihsan

- Kematian disebabkan Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa bagi Pelan 10 (Intan/Delima/Topas), Pelan 20 (Zamrud) dan Pelan 30 (Nilam).

Manfaat HUPK

- HUPK sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian; atau
- HUPK disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi melebihi daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
- disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras; atau
- disebabkan oleh tabiat dadah atau mengambil sebarang dadah atau narkotik, selain daripada yang ditetapkan oleh Pakar Perubatan; atau
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan.

Manfaat HUSK

- sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian; atau
- HUSK disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi melebihi daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
- percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras; atau
- peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau
- disebabkan oleh kecederaan badan yang diakibatkan oleh payung terjun atau terjun udara, penerbangan, sukan bermotor, menyelam, mendaki gunung, atau sukan berbahaya lain atau penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
- disebabkan oleh tabiat dadah atau mengambil sebarang dadah atau narkotik, selain daripada yang ditetapkan oleh Pakar Perubatan.

Manfaat Kemalangan Diri

- bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras; atau
- penyakit badan, atau gangguan mental atau fungsian, atau sebarang jenis sakit atau penyakit atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat daripada belahan atau luka kemalangan; atau
- disebabkan oleh kecederaan badan yang diakibatkan oleh payung terjun atau terjun udara, penerbangan, sukan bermotor, menyelam, mendaki gunung, atau sebarang sukan berbahaya lain atau penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
- di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh Pakar Perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang itu dianggap di bawah pengaruh alkohol jika keputusan ujian nafas, darah atau air kencing melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987; atau
- daripada kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya.

Manfaat Penyakit Kritikal (termasuk Penyakit Terminal)

- Manfaat Penyakit Kritikal/ Penyakit Terminal sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Takaful, mana yang kemudian; atau
- Penyakit Kritikal/Penyakit Terminal disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi melebihi dari dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
- sebarang rawatan atau pembedahan untuk anomali kongenital; atau
- disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras; atau
- disebabkan oleh tabiat dadah atau mengambil sebarang dadah atau narkotik, selain daripada yang ditetapkan oleh Pakar Perubatan; atau
- disebabkan oleh kecederaan badan yang diakibatkan oleh payung terjun atau terjun udara, penerbangan, sukan bermotor, menyelam, mendaki gunung, atau sukan berbahaya lain; atau
- disebabkan Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi.

Manfaat Elaun Kemasukan Hospital

- bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras; atau
- Penyakit Sedia Ada melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi melebihi dari dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
- Penyakit Tertentu/Khusus yang berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
- di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh Pakar Perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang itu dianggap di bawah pengaruh alkohol jika keputusan ujian nafas, darah atau air kencing melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987; atau
- Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad kepada terjun lelabah, penerbangan, payung terjun, selam skuba, terjun udara, sukan bermotor, menyelam, mendaki gunung, atau sukan berbahaya lain, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Orang yang Dilindungi akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut; atau
- sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin di sisi undang-undang.

Nota:

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Induk Berkelompok bagi senarai penuh pengecualian dan terma dan syarat di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

- Ya, anda boleh membatalkan Sijil Anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Namun, anda tidak akan menerima pembayaran balik Caruman/Sumbangan Takaful apabila pembatalan dilakukan selepas lima belas (15) hari Tempoh Rujukan Percuma. Walaupun dibatalkan, perlindungan tetap akan diteruskan sehingga tarikh akhir Caruman/Sumbangan Takaful berikutnya perlu dibayar.

9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?

- Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Kami sebarang perubahan butiran peribadi anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dalam tempoh masa yang bersesuaian.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Keluarga dan Perubatan dan Kesihatan Takaful, sila rujuk www.mycoverage.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern
303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Tel : (603) 4259 8338
Faks : (603) 4259 8808
Careline : 1 300 13 8338
E-mel : i-greatcare@greateastertakaful.com
Laman Web : www.greateastertakaful.com

Atau

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN),

Ibu Pejabat : Tingkat Bawah, Menara PTPTN,
Blok D, Megan Avenue II,
No.12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.
Careline : (603)-2193 3000
Faks : (603)-2193 1263

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

- Anda boleh membuat semakan dengan pengantara perkhidmatan atau PTPTN atau terus menghubungi Kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMILIH SIJIL YANG MENEPATI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA CARUMAN/SUMBANGAN TAKAFUL YANG ANDA BAYAR DI BAWAH SIJIL INI ADALAH JUMLAH YANG ANDA MAMPU BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA PERKHIDMATAN ATAU HUBUNGI KAMI SECARATERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

"Peserta-Peserta/Pemegang Sijil Induk" merujuk kepada Syarikat, Organisasi, Kerjasama atau Institusi Kewangan yang bertindak sebagai pemilik sijil.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah bermula 17/07/2024.

Lampiran 1

50 PENYAKIT KRITIKAL (Tempoh Menunggu Jenis II – 30 Hari)

- | | |
|---|--|
| 1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk | 25. Trauma Kepala Major (Teruk) – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian |
| 2. Sindrom Apallie (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan) | 26. Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang |
| 3. Meningitis Bakteria – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 27. Penyakit Sistik Medular |
| 4. Tumor Otak Benign – Keterangan Tertentu | 28. Tuberkulosis Meningeal |
| 5. Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih | 29. Penyakit Neuron Motor – Defisit neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan |
| 6. Pembedahan Otak | 30. Sklerosis Multipel |
| 7. Kardiomiopati – Keterangan Tertentu | 31. Distrofi Otot |
| 8. Anemia Aplastik Kronik – Mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang | 32. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan |
| 9. Koma – Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal yang Berterusan | 33. Kelumpuhan Anggota |
| 10. Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik | 34. Penyakit Parkinson – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian |
| 11. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) | 35. Poliomyelitis |
| 12. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih | 36. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – Keterangan Tertentu |
| 13. Demam Hemoragik Ebola | 37. Skleroderma Progresif |
| 14. Elefantiasis (Penyakit Untut) | 38. Penyakit Anjing Gila |
| 15. Ensefalitis – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 39. Sindrom Eisenmenger yang Teruk |
| 16. Kegagalan Hati Tahap Akhir | 40. Hemofilia yang Teruk |
| 17. Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir | 41. Strok/Angin Ahmar – Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom-Simptom Klinikal Berterusan |
| 18. AIDS Dengan Gejala Penuh | 42. Pembedahan Aorta |
| 19. Hepatitis Viral Fulminan | 43. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk |
| 20. Pembedahan Injap Jantung | 44. Penyakit Terminal (Membawa Maut) |
| 21. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah | 45. Kelecuran Tahap Ketiga – Keterangan Tertentu |
| 22. Kegagalan Buah Pinggang – Memerlukan Dialisis atau Transplan Buah Pinggang | |
| 23. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) | |
| 24. Hilang Keupayaan Bertutur | |

50 PENYAKIT KRITIKAL (Tempoh Menunggu Jenis I – 60 Hari)

- | |
|---|
| 46. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari |
| 47. Kanser – Keterangan Tertentu dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Awal |
| 48. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari |
| 49. Serangan Jantung – Keterangan Tertentu |
| 50. Penyakit Arteri Koronari Serius |

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Note:

Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up SIMPAN SSPN PLUS. Be sure to also read the general terms and conditions.



Name of Financial Service Provider : Great Eastern Takaful Berhad (“Takaful Operator”, “Our”, “Us”, or “We”)
Name of Master Certificate Holder : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Name of Product : SIMPAN SSPN PLUS
Date : 17/07/2024

1. What is this product about?

